



Usaha bersama jadikan Kuala Lumpur kota raya lestari, sejahtera

Wilayah Persekutuan, terutama Kuala Lumpur sering disifatkan sebagai ibu kota tidak pernah tidur. Tiga pencakar langitnya pernah dinobatkan sebagai bangunan tertinggi di dunia, manakala jalan raya sesak dengan hiruk-pikuk kenderaan, terutama waktu puncak sedangkan manusia berpusu-pusu mengejar rezeki ibarat semut menghurung gula.

Namun, apakah Kuala Lumpur bersama Putrajaya dan Labuan cukup sekadar simbol kemajuan fizikal tanpa jiwa atau kehidupan warganya hanya diukur secara material? Justeru, Hari Wilayah disambut hari ini untuk kali ke-53, sepatutnya menjadi detik muhasabah untuk memastikan pembangunan bergerak sederap dengan kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat.

Datuk Bandar, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif dalam wawancara eksklusif akhbar ini pernah menyuarakan hasrat mentransformasi Kuala Lumpur menjadi bandar raya nyaman dan lestari. Antara langkah diambil adalah mengenal pasti 139 tempat akan dimasukkan dalam program pemuliharaan semula bandar, sekali gus menggalakkan lebih ramai menetap di ibu kota.

Bagaimanapun, hasrat itu perlu seiring dengan usaha memperbanyakkan taman dan kawasan hijau kerana konsep bandar sejahtera menuntut lebih banyak ruang hijau yang turut bertindak sebagai 'span' dalam mengatasi banjir kilat yang sering menghantui warga kota.

Malah, satu lagi isu tidak boleh dipandang enteng ialah masalah *first-last-mile* dalam sistem pengangkutan awam. Kemajuan sistem tren di ibu kota memang mengagumkan, tetapi tanpa jaringan laluan mesra pengguna untuk pejalan kaki, penunggang basikal serta kenderaan mikromobiliti, rakyat masih berdepan dengan kesulitan untuk keluar dari rumah atau sampai ke destinasi akhir yang boleh mengurangkan tarikan untuk menggunakan pengangkutan awam.

Kita juga meminta usaha meningkatkan kedudukan Kuala Lumpur dari aspek kebudayaan tinggi yang diperlukan dalam kesejahteraan warganya. Ia juga menjadi ciri penting ibu kota dunia kerana Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) sendiri mewujudkan pelbagai kategori untuk Rangkaian Kota Kreatif seperti sastera, filem, muzik, seni rakyat dan kraf serta reka bentuk, selain Kota Buku.

Pada masa sama, kita mahu ketelusan dan integriti dalam pentadbiran bandar raya terus ditingkatkan kerana persepsi rasuah dan salah guna kuasa yang sekian lama terpalit diakui bukan mudah untuk dikikis. Bagaimanapun, tekad Datuk Bandar sendiri tidak memadai kerana ia perlu disambut semua lapisan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), termasuk lembaga penasihat, pengurusan kanan, pegawai, kakitangan dan penguat kuasa.

Dalam konteks lebih luas, keseimbangan pembangunan antara Kuala Lumpur, Putrajaya dengan Labuan perlu diberi perhatian. Kementerian Wilayah bertanggungjawab memastikan ketiga-tiga entiti penting dalam Wilayah Persekutuan bergerak sederap dalam aspirasi kemajuan lestari dan mampan.

Bagaimanapun, tekad menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya nyaman dan lestari tidak boleh diletakkan di bahu kerajaan sahaja. Kita mahu semua pemegang taruh dan warganya bersama menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya sejahtera, berbudaya dan beretika tinggi dari segala aspek.